

Jenis Akhbar : Harian Metro

Tarikh : 27/07/2022

Edisi / Muka Surat : Nasional (02)

Tajuk : MAAB Urus Harta Pusaka RM320 Juta

**Taiping:** MyAngkasa Amanah Bhd (MAAB), syarikat pengurusan amanah, wasiat, hibah dan harta pusaka milik Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Bhd (Angkasa) sudah mendaftarkan lebih 170,000 kes membabitkan anggaran jumlah nilai aset RM86 bilion.

Timbalan Presiden Angkasa Prof Madya Datuk Dr Abdul Rahman Abdul Razak Shaik berkata, daripada jumlah itu, MAAB sudah menguruskan 637 fail bagi pentadbiran harta pusaka yang dianggarkan berjumlah RM320 juta.

Beliau berkata, catatan angka berkenaan disifatkan agak besar bagi MAAB sebagai institusi pengamanaan harta yang disifatkan

## MAAB urus harta pusaka RM320 juta

'muda' memandangkan usianya tujuh tahun sejak ditubuhkan pada tahun 2014.

"Kita dapat melihat kepercayaan yang diberikan kepada MAAB terus meningkat walaupun kita masih baru selain kita adalah satu-satunya entiti koperasi di negara ini yang menjalankan kegiatan pengamanaan wasiat, pusaka, serta infaq.

"Berbanding pada 2014 sewaktu awal penubuhan MAAB, hanya 18 fail pentadbiran sahaja yang berjaya diuruskan. Justeru, pencapaian menguruskan 637 fail pentadbiran sehingga kini dilihat satu pencapaian



MUHAMMAD Amir (mendukung bayi) bersama penerima sumbangan wasiat infak arwah bapanya pada majlis Penyerahan Sumbangan dan Infaq bagi pihak waris Allahyarham Hassan Johan, semalam.

amat baik bagi MAAB serta Angkasa amnya." katanya kepada pemberita sewaktu majlis Penyerahan Sumbangan dan Infaq bagi pihak waris Allahyarham Hassan Johan di Hotel Taiping Per-

dana, di sini, semalam.

Turut hadir, Naib Presiden Angkasa, Datuk Mohamad Ali Hasan.

Pada majlis itu, infak keseluruhan berjumlah RM16,820 disampaikan oleh

anak kandung kepada Allahyarham Hassan, Muhammad Amir Asyraf, 29, sebagai memenuhi wasiat bapanya ketika hidup kepada beberapa penerima yang terdiri daripada masjid, surau,

institusi tahfiz, dan individu terpilih.

Abdul Rahman berkata lagi, selain caj dikenakan bagi khidmat MAAB adalah antara termurah di pasaran seumpamanya, kelebihan ditawarkan oleh MAAB antaranya adalah tiada caj tambahan dikenakan sekiranya terdapat penambahan jumlah pusaka dibuat pada saat akhir.

"Khidmat nasihat pengurusan pentadbiran harta pusaka yang ditawarkan MAAB juga adalah secara percuma. Adalah penting pengurusan wasiat dilaksanakan segera supaya segala urusan dan tanggungjawab si mati dapat diselesaikan secepat mungkin sebelum timbul isu kematian berlapis dan sebagainya," katanya.

Perpustakaan Koperasi  
Malaysia ANGKASA